

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[ TELOK KEMANG ]**

**SOALAN**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta**  
**PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) tindakan Kementerian dalam melaksanakan pemasangan *speed controller* dan *alarm system* bagi mengawal kelajuan pada semua jenis pengangkutan awam; dan
- (b) usaha SPAD dalam membantu atau memberi panduan kepada mangsa kemalangan kenderaan awam untuk mengambil tindakan mahkamah atau saman terhadap syarikat pengangkutan awam terlibat.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah memperkenalkan dasar untuk menggunakan sistem kedudukan sejagat (*Global Positioning System – GPS*) bagi memantau kelajuan dan pergerakan kenderaan pengangkutan awam.

2. Untuk tujuan ini, SPAD mewajibkan setiap pengendali bas dan kenderaan barangan untuk melengkapkan kenderaan mereka dengan alatan GPS dan memantau kelajuan setiap perjalanan bagi mematuhi had kelajuan yang dibenarkan.

3. Pengendali juga dikehendaki menubuhkan pusat kawalan operasi masing-masing bagi memastikan pemantauan kelajuan berdasarkan GPS secara berkesan.

4. Di samping kawalan sendiri yang diwajibkan terhadap pengendali, SPAD juga menjalankan pemantauan terhadap pelanggaran had kelajuan kenderaan pengangkutan awam melalui tindakan penguatkuasaan, audit luaran dan pemantauan aduan pelanggan.

5. Selain daripada penggunaan GPS yang diwajibkan ini, terdapat juga pengendali yang menggunakan peralatan lain seperti alat kawalan kelajuan atau *speed limiter*. Walaupun penggunaannya

adalah digalakkan oleh SPAD, namun sehingga kini ia tidak diwajibkan.

6. Sementara itu, SPAD tidak menyediakan khidmat bantuan guaman kepada mana-mana mangsa kemalangan kenderaan awam untuk mengambil tindakan mahkamah atau saman ke atas pengendali pengangkutan awam. Walaubagaimanapun, SPAD sentiasa akan membantu mana-mana pihak yang terlibat yang memerlukan maklumat berkenaan pengendali pengangkutan awam apabila di pohon oleh pihak peguam atau pihak berkuasa yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) harga sebenar rumah mampu milik oleh Kerajaan memandangkan terdapat kekeliruan serta perbezaan harga rumah tersebut yang mencecah hampir RM200,000 sehingga RM250,000 sebuah; dan
- (b) jumlah rumah mampu milik yang sudah dibina berbanding jumlah permohonan terkini.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga sebenar rumah mampu milik sebaik-baiknya disesuaikan dengan kadar pendapatan setempat. Secara amnya sesebuah rumah mampu milik tidak sewajarnya melebihi RM300,000. Walau bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan strategik tertentu di mana kos tanah adalah tinggi, harga sehingga RM400,000 seperti dicadangkan oleh PR1MA masih boleh dipakai.
  
- (b) Status penyediaan rumah mampu milik sehingga November 2014 adalah seperti di **Lampiran 1**.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015

## STATUS PELAKSANAAN RUMAH MAMPU MILIK 2013 – 2017 (SEHINGGA NOVEMBER 2014)

Bil.	Agensi	Status Pelaksanaan (Unit)		
		Perancangan	Pembinaan	Siap
1.	KPKT	48,154	671	11,964
2.	Agensi Kerajaan Persekutuan	2,694	8,688	6,651
3.	Agensi Kerajaan Negeri	8,495	2,796	11,002
4.	PPA1M	16,512	6,672	0
5.	PR1MA	87,479	11,359	0
6.	SPNB	86,134	12,671	24,857
7.	Pemaju Swasta	Tiada maklumat	Tiada maklumat	40,650
<b>JUMLAH</b>		<b>249,468</b>	<b>42,857</b>	<b>95,124</b>